

19/09/2001

Rakyat wajar pilih parti terbukti bawa kecemerlangan

Kadir Dikoh

BARISAN Nasional (BN) Pusat berpuas hati dengan pencapaian dan prestasi BN Sarawak yang dianggotai empat parti komponen.

Setiausaha Agungnya, Tan Sri Mohamed Rahmat berkata, berikutan itu, rakyat Sarawak tidak mempunyai pilihan lain dalam pilihan raya kali ini kecuali memilih parti yang sudah menunjukkan kecemerlangannya.

Beliau berkata, parti pembangkang seperti DAP, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Pas cuma sebagai pengacau yang boleh memecah-belahkan perpaduan rakyat negeri itu.

Malah katanya, pemimpin Kerajaan Persekutuan termasuk Umno tidak menyokong mana-mana pihak termasuk kumpulan pimpinan Datuk Abang Abu Bakar Mustapha kecuali calon yang ditampilkan BN pimpinan Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Umno katanya, sudah menyatakan pendirian dengan jelas sejak dulu, ia tidak akan mengembangkan sayapnya ke Sarawak dan usaha kumpulan Abang Abu Bakar untuk berbuat demikian tidak mendapat sokongan atau restu pemimpin Umno pusat.

Bekas Setiausaha Agung Umno itu berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri juga kerap kali menyatakan bahawa Umno tidak ke Sarawak dan tidak akan menyokong mana-mana pihak yang menjaja nama Umno pada pilihan raya negeri ini.

"Kalau rakyat Sarawak nak kemajuan, saya fikir tiada pilihan lain kecuali terus memilih BN kerana belum ada kerajaan lain yang dapat melaksanakan pembangunan itu melainkan BN Sarawak.

"Pas dan Keadilan tidak akan mencapai apa-apa kejayaan. Pas di Semenanjung pun sudah berusaha selama 44 tahun untuk memerintah tapi tak dapat kecuali di Terengganu dan Kelantan.

"Itu pun bukan kerana Pas kuat sangat tetapi ada kesilapan kita yang menyebabkan mereka menang dalam pilihan raya negeri itu," katanya dalam pertemuan dengan Berita Harian di pejabatnya di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Mengenai usaha kumpulan Abang Abu Bakar yang juga bekas Timbalan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) membawa masuk Umno ke Sarawak, Mohamed berkata, tindakan itu tidak mendapat restu Umno Pusat.

Beliau berharap rakyat Sarawak tidak terpedaya dengan desakan supaya Umno masuk ke negeri itu, semata-mata bagi kepentingan diri kumpulan terbabit untuk menjatuhkan Abdul Taib.

"Oleh itu, saya harap orang Sarawak faham mengenai kononnya ada perjuangan nak membawa Umno ke Sarawak ini. Sarawak sudah menjadi satu negeri yang cukup stabil sekarang, kita nak ia dikekalkan.

"Umno kata Perdana Menteri, tidak akan campur tangan dalam pilihan raya ini kecuali memberi sokongan penuh kepada calon BN. Kita serahkan sepenuhnya kepada BN Sarawak seperti memilih calon kerana kita fikir BN Sarawak ada kekuatannya sendiri yang boleh digunakan untuk menjamin kemenangan.

"Memang kita harapkan kemenangan besar, sebab pilihan raya Sarawak ini akan menunjukkan apakah BN ini masih diterima baik rakyat jelata, apakah BN boleh terus menjadi tunjang kepada keutuhan BN.

"Saya fikir, BN akan menang besar tetapi harapan kita menang semua dan kita yakin pilihan raya ini, rakyat Sarawak akan memberi mandat besar kepada BN untuk terus memerintah. Malah, DAP sendiri mengakui sukar menumbangkan BN Sarawak kecuali mengharap kemenangan dua tiga kerusi,"

katanya.

Mengenai pergeseran dalam parti komponen BN tertentu yang kerap berlaku menjelang pilihan raya terutama berkisar kepada pemilihan calon, beliau berkata, semua pihak harus bekerjasama dengan mengetepikan sentimen peribadi.

Katanya, setiap pihak harus menerima keputusan BN dan menunjukkan kesetiaan.

"Kalau ada kumpulan yang tak puas hati, kita harap dia insaflah, bahawa dia pernah dapat peluang menjadi calon, berilah peluang kepada orang lain dan jangan kecewakan BN walaupun dia ada kekecewaannya sendiri.

Dalam pilihan raya Sarawak ini yang bertanding ialah parti BN menggunakan lambang dacing. Jadi sebarang keputusan yang dibuat oleh BN Sarawak, adalah keputusan parti dan semua pihak mesti menerima keputusan itu. Ini paling penting sekali.

"Kalau kita nak menang, kita mesti terima semua parti komponen. Semua ahli parti komponen hendaklah menerima dengan baik keputusan yang dibuat oleh BN Sarawak mengenai calon yang akan bertanding," katanya.

Malah katanya, semua ahli parti dan parti komponen hendaklah memberi kerjasama dan bekerja keras untuk menjamin kejayaan calon yang dipilih oleh BN.

Bagaimanapun katanya, tidak wajar bagi ahli parti terutama yang sudah mendapat faedah daripada menjadi ahli BN, mungkir janji atau menunjukkan rasa tidak puas hati atau nak bekerja menentang calon yang dipilih oleh BN.

Katanya, semua pemimpin dan bekas pemimpin hendaklah sentiasa bersikap setia kepada parti dan bekerja untuk parti dan tidak patut ada pihak yang ingkar.

"Sebab menjadi calon dalam mana-mana pilihan raya ini, walaupun ia boleh dianggap hak bagi mana-mana ahli parti, tetapi pemilihan itu dibuat atas kebolehan seseorang menjamin kejayaan perjuangan parti terutama dalam pilihan raya.

"Bagi mereka yang tidak dipilih, mereka sebenarnya harus berterima kasih kepada parti yang memberi kedudukan kepada dia dan pada ketika tertentu tenaganya diperlukan. Tetapi apabila dia tidak diperlukan lagi, mereka mesti tunjukkan kesetiaan dan berterima kasih.

"Kata orang balas budi kepada parti yang telah memberi dia faedah semasa dia berkhidmat. Tetapi waktu tenaga dia tak diperlukan lagi, dia mesti tunjuk terima kasih," katanya.

Ditanya mungkin mereka yang tidak puas hati kerana tidak dipilih semula sebagai calon dan mahu mempertahankan kerusi atas tiket bebas atau pembangkang memikirkan mereka masih kuat, Mohamed berkata, mereka tersilap.

Katanya, yang kuat adalah parti dan bukan individu. Sebagai contoh, katanya, ialah Abang Abu Bakar yang sepatutnya berterima kasih kepada BN dan PBB yang meletakkan pada kedudukan sebagai Timbalan Menteri dan Timbalan Presiden PBB sebelum ini.

"Tidak patut pada hari ini waktu dia kalah dari segi jawatan parti dan selepas dia tidak lagi menjadi menteri Kabinet, dia nak tunjuk pula marah dia, dan tunjukkan kekecewaan dia dengan mengajak orang yang mungkin sama kecewa seperti dia untuk menubuhkan kerajaan yang mana dia telah memperoleh faedah yang banyak ketika dia menjadi timbalan presiden PBB dan juga menteri Kabinet.

"Bagi saya sepatutnya hari ini sebagai orang yang sudah banyak terima faedah, dia harus tunjuk terima kasih kepada parti," katanya.

(END)